

04/02/1997

Silajdzic pelawa pelabur Malaysia

SARAJEVO, Isnin - Bosnia-Herzegovina boleh dijadikan jambatan bagi kemasukan barangan buatan Malaysia ke pasaran Eropah, kata Pengerusi Bersama Majlis Menteri negara itu, Dr Haris Silajdzic.

Menurutnya, ahli perniagaan Malaysia boleh menggunakan zon perindustrian bebas di negara itu dan menyertai aktiviti seperti pemasangan kereta serta pengeluaran peralatan telekomunikasi.

"Kita memberi keutamaan kepada usahawan Malaysia untuk melabur di Bosnia bagi membangunkan semula ekonomi negara yang musnah akibat perang. Usaha menarik pelabur Malaysia boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

"Apa yang kami mahu ialah pembangunan infrastruktur dari kewujudan pelbagai bidang perniagaan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau hadir pada majlis berbuka puasa anjuran Duta Besar Malaysia ke Bosnia, Rastam Mohd Isa, sempena lawatan Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar ke negara Balkan itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Pertahanan, Datuk Syed Jaafar Syed Azhan dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Che Mat Nor Mat Arshad.

Sebelum itu, pada sebelah petangnya Syed Hamid mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Silajdzic di sini.

Haris berkata, Bosnia memerlukan pengalaman Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya dari segi politik dan ekonomi, walaupun mempunyai masyarakat berbilang bangsa.

Menurutnya, sokongan Malaysia kepada Kerajaan Bosnia memang dihargai dan banyak membantu Kerajaan Bosnia sewaktu dan selepas perang.

Sehubungan itu, beliau berkata Presiden Bosnia, Alija Izetbegovic akan melakukan kunjungan ke Kuala Lumpur pada Mac ini untuk mengeratkan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Rustam berkata ahli perniagaan Malaysia perlu merebut peluang ekonomi yang ada di negara Balkan itu.

Menurutnya, pelaburan daripada pihak swasta Malaysia boleh membantu membangunkan semula ekonomi negara itu.

Katanya, Malaysia menyumbang RM31 juta sebagai tanda sokongan kepada Kerajaan Bosnia untuk tujuan itu.

(END)